

## PROSEDUR PENERIMAAN DAN PEMPROSESAN BNCP DI JAB PEMPROSESAN MAKLUMAT

BIL	PERKARA	MASALAH /SENARIO	CADANGAN TINDAKAN
1.	<b>Proses penerimaan BNCP di Kaunter Serahan semasa BPPC dan cop pengesahan penerimaan pada salinan pendua BNCP.</b>	<p>Petugas akan mengambil masa yang lama untuk menyemak dan mengesahkan salinan pendua berkenaan. Ini menyebabkan proses menunggu giliran pembayar cukai/wakil cukai yang lain menjadi lama.</p> <p>Keadaan ini turut memberi ruang kepada wakil cukai untuk memanipulasi penyemakan BNCP di mana mereka mendapatkan cop pengesahan penerimaan tanpa menyertakan BNCP asal. Apabila BNCP dikemukakan lewat dan penalty dikenakan, wakil cukai akan kemukakan salinan pendua yang telah disahkan semasa rayuan.</p>	Cop pengesahan ke atas salinan pendua BNCP hanya akan dilakukan di kaunter bagi jumlah pengemukaan <10 borang. Jika >10 borang, cop pengesahan akan dilakukan kemudian. Wakil cukai akan dimaklumkan apabila pengesahan selesai dilakukan.
2.	<b>BNCP dianggap tidak lengkap</b>	<p>a) Tidak Ditandatangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tiada tandatangan pada ruangan akuan</li> <li>ii) Pembayar cukai tandatangan di ruangan ejen cukai</li> <li>iii) Pembayar cukai menggunakan cop tandatangan</li> </ul>	Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP ( <b>mulai TT2010</b> )
	b) Tidak mengisi dengan lengkap di ruangan akuan ; NAMA, NO KAD PENGENALAN/ NO POLIS/ TENTERA / PASSPORT dan JAWATAN	Borang tidak dapat diproses kerana sukar untuk tentukan pegawai/orang yang bertanggungjawab yang menandatangani borang	Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP ( <b>mulai TT2010</b> )

<p>c) Pembayar cukai tidak menggunakan borang yang ditetapkan mengikut sek.152 ACP1967</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Borang fotostat</li> <li>ii) Borang Format PDF cetakan pembayar cukai yg tidak menepati spesifikasi cetakan</li> <li>iii) Borang format PDF cetakan cawangan (<b>BNCC</b>) tetapi tiada cop cawangan yang berkenaan.</li> </ul>	<p>Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai TT2010)</b></p>
<p>d) Pembayar cukai tidak menggunakan borang yang telah ditetapkan untuk tahun taksiran berkaitan.</p>	<p>Borang tidak dapat diimbas kerana “field” borang tidak sama dengan tahun taksiran berkenaan</p>	<p>Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai TT2010)</b></p>
<p>e) Salah pengisian data borang</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Salah pengiraan pada ruangan Jumlah Cukai Pendapatan Dikenakan sehingga Cukai Kena Dibayar/Cukai Kena Dibayar Balik</li> <li>ii) Salah pecahan pendapatan bercukai pada kadar 20%</li> <li>iii) Bahagian pendapatan bercukai diisi tetapi tiada pengiraan dibuat</li> </ul>	<p><b>STSC:</b> Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai TT2011)</b></p> <p><b>STSNC:</b> Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai 1.1.2012)</b></p>
<p>f) Tempoh akaun (Tarikh mula dan tarikh tutup akaun)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tidak lengkap (salah satu tidak diisi)</li> <li>ii) Tidak diisi (kedua-dua tidak diisi)</li> <li>iii) Salah diisi (tempoh perakaunan tiada kaitan dgn TT)</li> <li>iv) Tidak ikut logik tempoh akaun</li> <li>v) Borang dihantar sebelum tempoh akaun ditutup</li> </ul>	<p>Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai TT2011)</b></p>
<p>g) Perbezaan yang ketara pada maklumat asas di borang dengan maklumat dalam sistem</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perbezaan nama adalah ketara dan tiada Borang 13/ Salinan Kad Pengenalan disertakan</li> <li>ii) Perbezaan No Rujukan (no pendaftaran syarikat) adalah ketara dan Borang 9 tidak disertakan</li> <li>iii) No Kad Pengenalan berbeza</li> </ul>	<p><b>STSC:</b> Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai TT2011)</b></p> <p><b>STSNC:</b> Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP <b>(mulai 1.1.2012)</b></p>

		<p>Oleh yang demikian, pembayar cukai diminta untuk menyertakan dokumen berikut sekiranya terdapat perbezaan/perubahan pada nama/no rujukan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Salinan Borang 13 – perubahan nama syarikat</b></li> <li>▪ <b>Salinan K/P – perubahan nama individu</b></li> <li>▪ <b>Salinan Borang 9 – perubahan No Rujukan</b></li> <li>▪ <b>Apa-apa dokumen sokongan lain yang berkaitan</b></li> </ul> <p>BNCP bagi TT akan datang juga adalah dicadangkan untuk dimasukkan makluman berikut:  <i>“sebarang perubahan/perbezaan pada nama/no. rujukan, perlulah disertakan salinan Borang 13/salinan KP/ salinan Borang 9/ apa-apa dokumen berkaitan bersama BNCP”.</i></p>
h)	Maklumat Kewangan tidak diisi bagi borang-borang yang berkaitan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Jualan/Perolehan</li> <li>○ Untung/Rugi Bersih</li> <li>○ Kod Perniagaan</li> </ul>	Borang dikategori sebagai TIDAK LENGKAP ( <b>mulai TT2011</b> )
3.	<b>Lampiran CP8D (Borang E – Majikan)</b>	<p>Banyak majikan yang mengemukakan senarai penuh pekerja masing-masing tanpa mengambil kira syarat – syarat pengisian lampiran tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Majikan perlu pastikan bahawa pengemukaan CP8D hanya untuk menyenaraikan pekerja yang <b>gaji &gt; RM2500 sahaja</b>.</li> <li>○ Bagi majikan yang <b>mempunyai &gt; 20 pekerja</b> yang gajinya <b>&gt;RM2500</b>, diminta untuk mengemukakan <b>CP8D dalam bentuk softcopy</b> (CD/disket).</li> </ul>

